



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 22 Mei 2026



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

TVET sedia bakat pacu daya saing industri francais

Kuala Lumpur: Latihan pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) memainkan peranan penting dalam menyediakan bakat mahir dan profesional yang akan memacu pertumbuhan serta daya saing industri francais negara.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata dengan industri francais terus berkembang kini, pembangunan bakat mahir dan profesional akan menjamin kestabilan jangka panjangnya.

Katanya, selain jenama dan sistem perniagaan kukuh, francais yang berjaya bergantung pada tenaga kerja berkemampuan, dapat mengekalkan kualiti, konsistensi serta kecemerlangan operasi.

"Dalam hal ini, latihan TVET memainkan peranan penting dalam menyediakan bakat tersedia untuk industri ini. Melalui pembelajaran praktikal dan secara langsung, TVET boleh meleng-

kapi individu dengan kemahiran teknikal, digital dan perkhidmatan pengguna yang diperlukan perniagaan francais hari ini.

"Kerjasama kukuh antara industri francais dan institusi TVET boleh membantu menangani kekurangan tenaga kerja, meningkatkan produktiviti dan mengukuhkan piawaian perkhidmatan merentasi sektor," katanya dalam ucapan pada Majlis Pelancaran Pameran Francais Antarabangsa Malaysia 2026 (FIM2026) di sini, semalam.

Ucapan beliau dibacakan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali.

Mengulas lanjut, Ahmad Zahid berkata, sebagai sebahagian aspirasi kerajaan untuk mengukuhkan ekosistem bakat negara, Malaysia akan mendapat manfaat besar daripada institusi latihan khusus yang menyelaraskan program TVET dengan ke-



Armizan (dua dari kiri) pada Majlis Pelancaran Pameran FIM2026 di Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Saifullizan Tamadi/BH)

perluan operasi dan industri perniagaan francais.

"Usaha ini mengukuhkan lagi daya saing industri dan menyokong pengembangan mampan kedua-dua jenama francais tempatan dan antarabangsa," katanya.

Beliau berkata, kerajaan sebelum ini menetapkan sasaran

tinggi supaya industri francais Malaysia mencapai jualan RM100 bilion menjelang 2030.

FIM2026 berlangsung semalam hingga Sabtu di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), menyasarkan 25,000 pengunjung, dengan pelbagai aktiviti menarik dan bermanfaat disediakan.

Industri francais negara sasar jualan RM100 bilion

- Sasaran diletak kerajaan menjelang tahun 2030
- Main peranan wujud peluang kerja, perkasa usahawan tempatan

Oleh AMIR HAIKAL KAMARUDIN

KUALA LUMPUR – Kerajaan menyasarkan industri francais negara mencapai jualan RM100 bilion menjelang tahun 2030 menerusi peluasan pasaran antarabangsa, inovasi dan pengukuhan ekosistem francais tempatan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, industri francais kini menjadi antara sektor ekonomi paling dinamik dan berdaya tahan dalam negara selain memainkan peranan penting dalam mewujudkan peluang pekerjaan serta memperkasa usahawan tempatan.

Menurutnya, industri tersebut menyumbang lebih RM36 bilion kepada ekonomi negara pada 2022 sekali gus membuktikan kepentingannya dalam landskap ekonomi global yang semakin mencabar.

"Francais hari ini tidak lagi tertumpu kepada sektor makanan dan minuman semata-mata, sebaliknya telah berkembang ke bidang pendidikan, penjagaan kesihatan, logistik, teknologi, automotif dan pelba-



ARMIZAN (enam dari kiri) ketika hadir sempena Majlis Perasmian FIM2026 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur semalam. – IHSAN FACEBOOK KPDN

gai sektor lain.

"Perkembangan ini menunjukkan model francais semakin relevan dalam ekonomi moden selain membantu mengurangkan risiko perniagaan melalui sistem operasi yang tersusun," katanya.

Teks ucapan beliau dibacakan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd. Ali sempena Majlis Perasmian Franchise International Malaysia (FIM) 2026 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), di

sini semalam.

Katanya, kerajaan mahu melihat Malaysia bukan sahaja menjadi pasaran francais yang kukuh, malah muncul sebagai pengeksport jenama dan sistem francais bertaraf antarabangsa.

"Beberapa jenama tempatan seperti Global Art dan Merrybrown telah berjaya menembusi pasaran luar negara sekali gus membuktikan daya saing jenama Malaysia di peringkat global.

"Global Art kini berkembang ke lebih 20 negara dengan lebih 600 pusat, manakala Merry-

brown mempunyai lebih 500 cawangan di 16 negara," katanya.

Jelasnya, penganjuran FIM2026 juga menjadi platform penting yang menghimpunkan usahawan, pelabur, institusi kewangan dan pemain industri dalam memperkukuh jaringan kerjasama strategik.

"Dengan sokongan dasar kerajaan, tenaga kerja berkemahiran dan semangat keusahawanan yang kukuh, Malaysia berpotensi muncul sebagai kuasa francais utama di rantau ini," tambahnya.

AI bantu teliti kualiti produk Jualan Super WOW Lazada 6.6

KUALA LUMPUR - Lazada Malaysia kembali merancang pasaran e-dagang menerusi Jualan Super WOW Lazada 6.6 dengan memberi penekanan kepada pengalaman membeli-belah lebih selamat, dipercayai dan pintar, bukan sekadar menawarkan harga murah semata-mata.

Kempen bertemakan 'Catch Your Best Deals' tersebut bakal berlangsung bermula jam 8 malam pada 5 Jun hingga 11.59 malam, 8 Jun depan dengan tumpuan terhadap produk tulen, jenama dipercayai, sokongan kepada jenama tempatan serta pengalaman beli-belah dibantu teknologi kecerdasan buatan (AI).

Ketua Pegawai Eksekutif Lazada Malaysia, Kaya Qin berkata, perubahan tingkah laku pengguna hari ini menunjukkan rakyat Malaysia semakin berhati-hati dalam membuat keputusan pembelian, khususnya dalam persekitaran ekonomi semasa.

Menurutnya, pengguna kini tidak lagi membeli semata-mata kerana diskaun besar, sebaliknya lebih mementingkan keyakinan terhadap platform, ketulenan produk dan nilai bagi setiap ringgit yang dibelanjakan.

"Persaingan sebenar dalam e-dagang hari ini bukan lagi pada harga semata-mata. Ia tentang kepercayaan. Apabila rakyat Malaysia semakin teliti dengan setiap ringgit yang dibelanjakan, 'Catch' sebenar, bermaksud membantu mereka membeli dengan lebih bijak, bukan sekadar lebih murah.

"Ini termasuk produk yang tulen, penjual yang diyakini, carian produk yang lebih pintar dan sokongan selepas pembelian.

"Bagi Lazada, 6.6 bukan lagi sekadar jualan mega. Ia adalah detik untuk membina keyakinan pengguna. Setiap kedai rasmi, setiap juara tempatan di LazMall dan setiap cadangan produk dibantu AI memainkan peranan dalam membantu rakyat Malaysia membuat pilihan dengan lebih yakin,"



FOTO: MOHD HAUM ABUL WAHD

Ketua Pegawai Eksekutif Lazada Malaysia, Kaya Qin (empat dari kiri) ketika pelancaran Jualan Super Wow Lazada 6.6 di Pusat Pelawat Lazada, Bangsar South pada Khamis.

katanya sempena pelancaran Jualan Super WOW Lazada 6.6, di sini pada Khamis.

Beliau berkata, faktor keselamatan dan jaminan yang ditawarkan menerusi LazMall menjadi antara pemangkin utama perubahan tersebut.

Katanya, melalui LazMall, pengguna boleh membeli daripada kedai rasmi jenama, melihat maklumat penjual yang dipercayai, membaca ulasan produk, me-

nyemak terma-terma pemulangan dan perlindungan platform.

"Sebelum ini pengguna perlu mencari produk di banyak halaman dan membuat perbandingan sendiri. Kadangkala mereka mengambil masa sehingga setengah jam untuk membuat keputusan membeli satu produk.

"Kini pengguna hanya perlu berkomunikasi dengan LazzieChat yang bertindak sebagai ejen membeli-belah.

"Kami juga memperkenalkan fungsi 'Ask Buyers' di mana AI akan menghasilkan jawapan paling relevan berdasarkan pengalaman pembeli terdahulu," jelasnya.

Dalam pada itu Kaya berkata, kempen 6.6 tahun ini turut menyokong inisiatif Kita Beli Barangan Malaysia (KBBM) oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

KUALA LUMPUR: Malaysia has the potential to emerge as a leading franchise powerhouse in the region, Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi said.

He said this is because the franchise industry remained one of the country's most resilient and dynamic economic sectors with strong growth prospects.

"With the right ecosystem, skilled workforce, strong policy support, and bold entrepreneurial spirit, Malaysia has the potential to emerge as a leading franchise powerhouse in the region," he said in his speech read out by Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali at the opening ceremony of the 33rd International Franchise Exhibition and Seminar (Franchise International Malaysia 2026) here.

Ahmad Zahid, who is also the Rural and Regional Development Minister, said the

M'sia a potential regional franchise powerhouse

franchise sector continues to create employment opportunities, empower entrepreneurs and enable local businesses to expand through structured and scalable business models.

In fact, he said the industry contributed more than RM36 billion to the national economy in 2022, underlining its growing significance and resilience amid an increasingly competitive global economy.

According to Ahmad Zahid, franchising has evolved beyond the food and beverage business segment into sectors such as education, healthcare, retail, logistics, wellness, automotive services, tourism, technology and professional services.

He said the diversification demonstrated how franchising was moving into higher value-added industries that support

services, skills development and innovation-driven growth, in line with the government's aspiration to position Malaysia as a recognised exporter of franchise brands, business systems and entrepreneurial expertise to regional and global markets.

"Today, many Malaysian franchise brands have successfully expanded into international markets, reflecting the strength, quality and innovation of our homegrown businesses. These achievements stand as a testament to the global competitiveness and growing influence of Malaysian franchises on the international stage," he said.

He noted that the government had also set a target for Malaysia's franchise industry to achieve RM100 billion in franchise sales by 2030 through stronger interna-

tional expansion, innovation, digital adoption and continuous ecosystem enhancement.

"In this regard, I encourage KPDN (Ministry of Domestic Trade and Cost of Living), PERNAS (Perbadanan Nasional Bhd), MFA (Malaysian Franchise Association) and all industry stakeholders to continue strengthening the franchise ecosystem through financing support, market access initiatives, talent development and international collaboration," he said.

Meanwhile, Ahmad Zahid also underscored the importance of Technical and Vocational Education and Training (TVET) in producing industry-ready talent to support the sector's long-term sustainability.

"Through practical and hands-on learning, TVET can equip individuals with the

technical, digital and customer service skills required by today's franchise businesses," he said.

He added that stronger collaboration between government agencies, industry associations, educational institutions, and private sector players would be critical in ensuring Malaysia's franchise industry continues to grow and gain greater international recognition.

The exhibition, which runs from Thursday until May 23, is organised by MFA in collaboration with KPDN as well as PERNAS and supported by various international agencies and strategic partners from ASEAN countries.

It is also the only franchise exhibition in Malaysia to be recognised by the World Franchise Council (WFC), Asia Pacific Franchise Confederation (APFC) and Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE). -Bernama

LELAKI DITAHAN URUS NIAGA BARANGAN KAWALAN TANPA LESEN

Rampas tepung gandum 1.2 tan

Oleh Noor Sara
 Mohamad Hanif
 am@hmetro.com.my

Kangar

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perlis menahan seorang lelaki warga tempatan selepas dia dikesan berurusan niaga barang kawalan tanpa lesen dalam serbuan di Kawasan Perindustrian Kuala Perlis, dekat sini, kelmarin.

Pengarah KPDN Perlis, Rohaida Hassan berkata, dalam Operasi Tiris 4.0 pada jam 3 petang itu, pihaknya merampas lebih 1.2 tan metrik tepung gandum yang dianggarkan bernilai RM2,902.50.

Beliau berkata, serbuan berkenaan dilaksanakan empat pegawai penguat kuasa KPDN Perlis bersama tiga pegawai Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Utara selepas risikan dilakukan selama dua minggu.



KPDN Perlis merampas lebih 1.2 tan metrik tepung gandum yang dianggarkan bernilai RM2,902.50 pada Operasi Tiris 4.0.

"Hasil pemeriksaan di premis itu menemui sejumlah 129 kotak tepung gandum jenama Cap Bunga Cempaka yang memba-

bitkan berat keseluruhan 1,290 kilogram (kg).

"Susulan itu, lelaki berusia 52 tahun berkenaan ditahan kerana disyaki

menjalankan urusan niaga barang kawalan tanpa lesen atau surat kebenaran bertulis daripada Pengawal Bekalan Malaysia," katanya

dalam satu kenyataan media, semalam.

Rohaida berkata, siasatan dijalankan di bawah Akta Kawalan Bekalan

(AKB) 1961 yang memperuntukkan denda maksimum RM1 juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya bagi perseorangan, jika sabit kesalahan pertama.

Bagi pertubuhan perbadanan pula, denda tidak melebihi RM2 juta boleh dikenakan bagi kesalahan pertama, manakala denda maksimum RM5 juta bagi kesalahan kedua.

"KPDN Perlis ingin memberi amaran keras dan menegaskan Kementerian tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang didapati terbabit dalam sindiket serta aktiviti penyelewengan barang kawalan.

"Tindakan tegas akan diambil termasuk mendakwa mereka di mahkamah berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah AKB 1961 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA/TFPUAA)," katanya.

Pemandu lori ais ditahan isi diesel di 4 stesen

Sungai Petani: Seorang pemandu lori ais ditahan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kedah di stesen minyak di Lagenda Height, di sini, kelmarin kerana dikesan mengisi diesel di empat stesen untuk tujuan menyeludup.

KPDN Kedah dalam kenyataan berkata, kes itu dikesan hasil risikan dan intipan yang dijalankan selama dua minggu.

Menurutnya, serbuan dilakukan jam 11 pagi itu menemui tong berkapasiti 1,000 liter penuh berisi cecair disyaki diesel.

"Siasatan awal pasukan serbuan terhadap lelaki warga emas berusia 61 tahun dapati minyak dalam tong dibeli di empat stesen minyak sekitar daerah ini.

"Semua barangan ditemui ketika serbuan disita dan nilai rampasan RM38,005," menurutnya.

Menurutnya, kes itu disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) kerana memiliki



TANGKI yang mengandungi minyak diesel di belakang lori ais dalam pemeriksaan di stesen minyak di Lagenda Height.

barang kawalan (diesel) tanpa permit menyimpan.

Katanya, sabit kesalahan boleh dikenakan penalti sehingga RM1 juta atau penjara selama tiga tahun atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan pertama, manakala kesalahan kedua dan seterusnya denda tidak melebihi RM3 juta atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

KPDN Kedah memberi amaran keras bahawa sebarang cubaan oleh mana-mana pihak, sama ada individu mahupun sindiket yang cuba menyeleweng subsidi negara merupakan satu bentuk pengkhianatan terhadap kepentingan rakyat dan negara.

Sebarang aduan atau maklumat berkaitan boleh disalurkan melalui aplikasi WhatsApp (019-8488000) atau EZ ADU KPDN atau Talian Hotline KPDN 1-800-886-800 dan portal e-aduan <http://eaduan.kpdn.gov.my>.



MOHD Mufsi (duduk) memeriksa sebuah perisian ketika serbuan di Kemaman.

Kemaman: Dua syarikat di daerah ini diserbu pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) selepas dikesan menggunakan perisian komputer tanpa lesen untuk tujuan komersial.

Pengarah KPDN Terengganu, Mohd Mufsi Lat berkata, serbuan pertama dilakukan terhadap syarikat kejuruteraan di sini, kelmarin, sebelum pihaknya merampas perisian dan peralatan komputer bernilai RM71,050.

Menurutnya, serbuan kedua dilakukan terhadap sebuah syarikat perkapalan di Bukit Kuang membabitkan nilai rampasan sebanyak RM385,700.

"Kedua-dua serbuan itu dilakukan 10 anggota pe-

KPDN serbu dua syarikat guna perisian komputer tanpa lesen

nguatkuasa dengan kerjasama daripada wakil hak cipta itu. Nilai keseluruhan rampasan dianggarkan bernilai RM456,750.

"Hasil pemeriksaan awal menemui beberapa perisian dipercayai digunakan tanpa lesen sah antaranya STAAD.Pro dan STAAD Foundation, Maxsurf dan lain-lain tanpa kebenaran pemilik hak cipta," katanya pada sidang media selepas mengetuai operasi itu.

Menurutnya, pada serbuan itu juga, pihaknya turut menyita beberapa peralatan komputer termasuk

empat komputer desktop dan satu komputer riba untuk siasatan lanjut.

"Operasi yang kami lakukan ini bagi memastikan patuhan terhadap undang-undang hak cipta serta melindungi hak pemilik perisian daripada aktiviti penggunaan dan pengedaran salinan tidak sah.

"Penggunaan perisian tidak sah dalam sektor kejuruteraan dan pembinaan boleh menimbulkan risiko terhadap integriti reka bentuk, keselamatan sistem serta ketepatan data teknikal yang digunakan

dalam industri," katanya.

Mohd Mufsi berkata, kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 41(1)(d) Akta Hak Cipta 1987 (Akta 332) kerana memiliki salinan langgaran bagi tujuan selain kegunaan persendirian dan domestik.

"Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak kurang daripada RM2,000 dan tidak melebihi RM20,000 bagi setiap salinan langgaran atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya," katanya.

140 liter diesel cuba diseleweng dirampas

MIRI: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Miri berjaya merampas 140 liter diesel disyaki cuba diselewengkan hasil serbuan ke atas sebuah kenderaan persendirian di sebuah stesen minyak di Jalan Luak di sini, kelmarin.

Menurut kenyataan yang dimuat naik di laman Facebook rasmi KPDN Miri, serbuan itu dilakukan Bahagian Penguat Kuasa KPDN Miri ke atas sebuah kenderaan mencurigakan yang disyaki terlibat dalam kegiatan penyelewengan barang kawalan iaitu minyak diesel.

"Pemeriksaan awal ke atas kenderaan itu menemui beberapa tong plastik yang diletakkan di bahagian belakang kabin dan dipercayai digunakan bagi tujuan pengisian bahan api tersebut.

"Hasil pemeriksaan lanjut



DIRAMPAS: Sejumlah minyak diesel dipercayai cuba diseleweng dalam serbuan ke atas sebuah kenderaan persendirian di Miri, kelmarin. — Gambar Facebook KPDN Miri

mendapati terdapat sebanyak 140 liter diesel disimpan di dalam keseluruhan tong plastik terbabit dengan nilai rampasan barang kawalan dianggarkan berjumlah RM301," menurut kenyataan itu.

Menurut kenyataan sama, jumlah keseluruhan nilai rampasan termasuk barangan lain dianggarkan kira-kira RM49,532.30.

Susulan itu, satu tindakan kes telah diambil di bawah Seksyen 20(1) Akta Kawalan

Bekalan 1961 dan dibaca bersama Seksyen 21 akta sama terhadap pemilik kenderaan terbabit.

Kenderaan berkenaan turut disita bagi tujuan siasatan lanjut oleh pihak KPDN Miri.

Kes disiasat lanjut di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan jika disabit kesalahan, individu boleh dikenakan denda tidak melebihi RM1 juta atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Bagi kesalahan kedua dan seterusnya, pesalah boleh dikenakan denda sehingga RM3 juta atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Sementara itu, syarikat yang didapati bersalah pula boleh dikenakan denda sehingga RM2 juta dan meningkat kepada RM5 juta bagi kesalahan kedua serta

berikutnya.

KPDN Miri menegaskan pihaknya akan terus menjalankan pemantauan berterusan di stesen-stesen minyak bagi mengekang kegiatan penyelewengan barang kawalan khususnya diesel.

Menurut kenyataan itu lagi, penjualan bahan api ke dalam bekas selain tangki asal kenderaan melebihi 20 liter tanpa permit sah merupakan satu kesalahan serius di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan akan dikenakan tindakan tegas.

Dalam pada itu, orang ramai yang mempunyai maklumat atau aduan berkaitan kegiatan penyelewengan barang kawalan boleh menyalurkan kepada KPDN melalui WhatsApp di talian 019-8488000, portal e-Aduan KPDN, Call Centre 1-800-886-800 atau aplikasi Ez Adu KPDN.

KPDN seizes vehicle, diesel worth nearly RM50,000

BY GRETTA BALA
tribunenew2019@gmail.com

MIRI: The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) here has seized a vehicle and subsidised diesel worth nearly RM50,000 during an enforcement operation targeting the illegal handling of controlled goods.

In a statement on Wednesday, KPDN said its enforcement officers raided a suspicious private vehicle believed to be involved in diesel misappropriation activities.

During the inspection, officers discovered several plastic drums stored at the rear of the vehicle, believed to have been used for fuel storage and transfer.

Further investigations found 140 litres of diesel in the containers, with the fuel alone estimated to be worth RM301.

Authorities subsequently seized the vehicle and other items, bringing the total value of the confiscated goods to RM49,532.30.

The case is being investigated under Section 20(1) of the Control

of Supplies Act 1961, read together with Section 21 of the same Act.

Under the law, individuals convicted of offences involving controlled goods may face fines of up to RM1 million, imprisonment of up to three years, or both. Repeat offenders may be fined up to RM3 million or jailed for up to five years.

Companies convicted of similar offences may be fined up to RM2 million, with subsequent offences carrying penalties of up to RM5 million.

KPDN said enforcement monitoring at petrol stations would continue to prevent the misuse and illegal sale of subsidised fuel.

The department also reminded the public that transferring fuel into containers exceeding 20 litres without a valid permit is an offence under the Control of Supplies Act 1961.

Members of the public with information on such activities are encouraged to channel complaints through KPDN's hotline, WhatsApp service, e-Aduan portal or the Ez ADU KPDN mobile application.



SOME of the items confiscated by KPDN Miri.

男子非法囤柴油被捕 冰块罗厘暗装储存桶



■罗厘内有一个装满柴油的IBC储存桶。

（双溪大年21日讯）冰块罗厘不装冰，装的是柴油！

国内贸易及生活成本部（KPDN）双溪大年分局于昨日在一间油站，逮捕一名61岁本地

男子，对方涉嫌在双溪大年一带4间油站分批添购柴油。

内贸部吉打分局于今日在其面子书专页上发文，该局执法人员在经过长达两周的情报收集及

秘密监视后，于昨日早上11时左右，突击检查双溪大年佳乡岭一间油站，并成功拦截涉案男子。

执法人员在检查该冰块罗厘后，发现一个容量达1000公升、装满疑似柴油的IBC储存桶。

初步调查显示，桶内柴油相信是嫌犯分别从双溪大年周边4间油站添购所得，以逃避执法单位侦查。

当局随后充公现场所有涉案物品，总值约3万8005令吉，并援引1961年供应管制法令第21条文调查此案，即涉嫌在未持有合法准证情况下储存受管制物品。

根据法令，个人初犯一旦罪成，可被判罚款最高100万令吉，或监禁不超过3年，或两者兼施；若重犯，则可面对最高300万令吉罚款或不超过5年监禁。

若涉案者为公司或机构，初犯最高可被判罚款200万令吉，重犯则可高达500万令吉。

该局强调，任何企图滥用国家柴油补贴、进行非法囤油或走私活动的行为，皆属严重损害国家及人民利益，当局绝不会妥协，并将持续展开严厉执法行动。



■罗厘司机分别到4间油站添油。



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Mandatory drug price display on hold

Court: Irreparable harm to clinics otherwise

By NURBAITI HAMDAN
nurbaiti@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: The High Court has granted a stay on the enforcement of the government's directive requiring the display of medicine prices pending the disposal of a judicial review filed by associations representing private medical practitioners.

Justice Alice Loke Yee Ching made the order on grounds that the status quo must be preserved until the judicial review is decided, saying the effects would be "irreparable" if a stay was not granted.

Lawyer Abraham Au, who represented the Private Medical Practitioners Association of Selangor and Kuala Lumpur and Medipulse Healthcare Sdn Bhd, confirmed the matter.

He said the court had considered the rights of the parties, particularly the applicants' rights, which could suffer irreparable

harm if they were exposed to penal consequences.

The court fixed June 10 for the next case management.

On July 24, 2025, seven organisations and a private doctor filed the judicial review application to challenge the government's order on displaying medicine prices.

The lawsuit concerns the Price Control and Anti-Profitsteering (Price Marking for Drug) Order 2025, which came into effect on May 1, 2025.

The applicants are the Association of Private Practitioners Sabah, the Malaysian Medical Association (MMA), the Malaysian Association for the Advancement of Functional and Interdisciplinary Medicine, the Organisation of Malaysian Muslim Doctors, the Federation of Private Medical Practitioners Associations Malaysia, the Malaysian Private Dental Practitioners' Association, the

Society of Private Medical Practitioners Sarawak and Dr Saifulbahri Ahmad.

They named the Domestic Trade and Cost of Living Minister, the Health Minister and the government as the first, second and third respondents respectively.

The medical practitioners are seeking an order of certiorari to quash the Domestic Trade and Cost of Living Ministry's Price Control and Anti-Profitsteering (Price Marking for Drug) Order 2025, which is the impugned order in the case.

They argued that the government had failed to recognise the distinction between drugs sold at retail outlets and medicines administered as part of medical treatment.

The applicants also claimed the Domestic Trade and Cost of Living Minister had breached principles of natural justice by making the

Doctors fight medicine price rule

Applicants challenge order over harm to small businesses, demanding revocation



Market inhibition forces on price control competition harm.

decision without consulting registered medical practitioners represented by the MMA.

They said that while the regulation was intended to curb profiteering, it had instead created unwarranted competition among drug providers, with the focus placed solely on medicine prices.

The applicants are also seeking a court declaration that the impugned order is void as it is allegedly "tainted with illegality, irrationality, unreasonableness, disproportionality and impropriety".

Meanwhile, MMA president Datuk Dr Thirunavukarasu Rajoo said the court's decision meant no compounding or enforcement action could be taken against private clinics under the order until the case was decided.

He said the ruling confirmed that the legal questions raised by the applicants deserved full judicial consideration.

"We wish to be clear, MMA has never been against medicine price transparency. We support it. Patients have every right to know what they are paying for," he said in a statement yesterday.

However, Dr Thirunavukarasu said MMA opposes the use of the Price Control and Anti-Profitsteering Act 2011 (Act 723), which he described as a trade and consumer protection law, to regulate the practice of medicine.

He said the Private Healthcare Facilities and Services Act 1998 (Act 586) and its 2006 regulations already governs patient rights, charges and grievance mechanisms in private healthcare.

DBKL sita barang 4 premis warga asing

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyita barangan di empat premis warga asing serta mengeluarkan 13 notis kompaun dalam Ops Gasak Siri 2/2026 di sekitar Jalan Petaling dan Jalan Hang Lekir, di sini, Selasa lalu.

Operasi bersepadu berkenaan dilaksanakan bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

DBKL dalam kenyataannya semalam berkata, kompaun dikeluarkan atas pelbagai kesalahan termasuk tiada lesen perniagaan, premis dikendalikan warga asing, pemegang lesen tiada di lokasi, pengambilan pekerja tanpa kebenaran serta halangan tred di tempat awam.

Menurutnya, tindakan

diambil mengikut Undang-Undang Kecil (UUK) Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (WPKL) 2016 (1 notis), UUK Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016 (9 notis) dan Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 (4 notis).

Di samping itu, dalam kenyataan yang sama, DBKL berkata, pelbagai barangan dan peralatan perniagaan seperti baju, beg, gerai beroda, aksesori telefon, jam tangan dan lain-lain yang disita dibawa ke Stor Sitaan DBKL untuk tindakan lanjut dan proses dokumentasi.

“Pihak DBKL akan meneruskan tindakan bersepadu dari semasa ke semasa. Sebarang aduan atau maklum balas, orang awam boleh berhubung atau menyalurkan maklumat di pautan adukl.dbkl.gov.my,” katanya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 22 MEI 2026

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
22-May	KPDN tahan pemandu lori ais kumpul diesel dari empat stesen minyak	https://utusanmelayuplus.com/kpdn-tahan-pemandu-lori-ais-kumpul-diesel-dari-empat-stesen-minyak/	UTUSAN MELAYU
22-May	Pemandu lori ais kantoi isi diesel di empat stesen minyak, ditahan KPDN	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2026/05/1360480/pemandu-lori-ais-kantoi-isi-diesel-di-4-stesen-minyak-ditahan-kpdn	HARIAN METRO
22-May	Pemandu lori ais ditahan disyaki isi diesel untuk penyeludupan	https://berita.rtm.gov.my/kes/senarai-berita-kes/senarai-artikel/pemandu-lori-ais-ditahan-disyaki-isi-diesel-untuk-penyeludupan/	RTM
22-May	Pemandu lori ais ditahan disyaki seleweng diesel ber-subsidi	https://bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2559847	BERNAMA
22-May	Helah guna lori ais kumpul diesel terbongkar	https://www.kosmo.com.my/2026/05/21/helah-guna-lori-ais-kumpul-diesel-terbongkar/	KOSMO
22-May	Pemandu lori ais kantoi beli diesel di empat stesen minyak	https://www.motoqar.com/2026/136518/pemandu-lori-air-kantoi-beli-diesel-di-empat-stesen-minyak.html	MOTOQAR
22-May	Not cool: Ice truck driver arrested for diesel smuggling	https://www.nst.com.my/news/nation/2026/05/1444679/not-cool-ice-truck-driver-arrested-diesel-smuggling	NST
22-May	KPDN Selangor bongkar kegiatan seleweng minyak masak subsidi	https://www.sinarharian.com.my/article/780918/berita/semasa/kpdn-selangor-bongkar-kegiatan-seleweng-minyak-masak-subsidi	SINAR HARIAN
22-May	Ayam RM10, beras RM12 antara tarikan Jualan Mega Aidiladha PKPS 2026	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ayam-rm10-beras-rm12-antara-tarikan-jualan-mega-aidiladha-pkps-2026	ASTRO AWANI

22-May	KPDN Miri gagalkan cubaan seleweng 140 liter diesel bersubsidi	https://utusanarawak.com.my/kpdn-miri-gagalkan-cubaan-seleweng-140-liter-diesel-bersubsidi/	UTUSAN SARAWAK
22-May	KPDN action against two Labuan firms	https://www.dailyexpress.com.my/news/281859/kpdn-action-against-two-labuan-firms/	DAILY EXPRESS
22-May	Francais Malaysia diunjur raih jualan RM100 bilion menjelang 2030	https://www.kosmo.com.my/2026/05/21/francais-malaysia-diunjur-raih-jualan-rm100-bilion-menjelang-2030/	KOSMO
22-May	Francais Malaysia diunjur raih jualan RM100 bilion menjelang 2030	https://www.kosmo.com.my/2026/05/21/francais-malaysia-diunjur-raih-jualan-rm100-bilion-menjelang-2030/	KOSMO
22-May	Malaysia perkukuh kedudukan sebagai hab francais ASEAN menerusi FIM2026	https://harapandaily.com/2026/05/21/malaysia-perkukuh-kedudukan-sebagai-hab-francais-asean-menerusi-fim2026/	HARAPAN DAILY
22-May	Industri francais Malaysia diunjur capai jualan RM100 bilion menjelang 2030	https://de-wanekonomi.jendeladb.my/2026/05/21/industri-francais-malaysia-diunjur-capai-jualan-rm100-bilion-menjelang-2030/	DEWAN EKONOMI
22-May	FIM2026 himpulkan lebih 100 jenama francais global di KLCC, sasar 25,000 pengunjung	https://jendelamadani.net/2026/05/21/fim2026-himpulkan-lebih-100-jenama-francais-global-di-klcc-sasar-25-ribu-pengunjung-dalam-masa-tiga-hari/	JENDELA MADANI
22-May	FIM 2026 sasar nilai transaksi RM600 juta, lonjak Malaysia sebagai hab syarikat francais global	http://galaksi-media.com/semasa-fim-2026-sasar-nilai-transaksi-rm600-juta-lonjak-malaysia-sebagai-hub-syarikat-francais-global/	GALAKSI MEDIA
22-May	TVET jadi pemangkin perkukuh ekosistem francais – Armizan	https://www.astroawani.com/berita-bisnes/tvet-jadi-pemangkin-perkukuh-ekosistem-francais-armizan	ASTRO AWANI

22-May	Tubuh institusi latihan khusus TVET francais	https:// www.utusan.com.my/ nasional/2026/05/tubuh- institusi-latihan-khusus-tvet-	UTUSAN
22-May	TVET berperanan penting sedia bakat mahir profesional pacu industri francais	https:// www.bharian.com.my/amp/ berita/ nasional/2026/05/1561739/ tvvet-berperanan-penting- sedia-bakat-mahir-	BERITA HARIAN
22-May	Malaysia raih manfaat besar menerusi penubuhan institusi TVET francais	https:// www.tvsarawak.my/2026/05/ 21/malaysia-raih-manfaat- besar-menerusi-penubuhan -institusi-tvet-francais/	TVS
22-May	TVET crucial in developing skilled workforce for franchise industry growth	https://www.nst.com.my/ amp/news/ nation/2026/05/1444901/ tvvet-crucial-developing- skilled-workforce-franchise- industry-growth	NST
22-May	Malaysia can become a regional franchise powerhouse	https://thesun.my/news/ malaysia-news/malaysia- can-become-a-regional- franchise-powerhouse/	THE SUN
22-May	Op Tiris 4.0 Bersepadu tumpaskan penyelewengan diesel RM388,898	https:// www.utusan.com.my/ nasional/2026/05/op-tiris-4- 0-bersepadu-tumpaskan- penyelewengan-diesel-	UTUSAN
22-May	Seleweng fleet card: Empat lelaki ditahan KPDN	https://www.melakahariini.my/ seleweng-fleet-card-4-lelaki- ditahan-kpdn/	MELAKA HARI INI
22-May	KPDN giat buru dalang penyelewengan subsidi diesel	https:// www.sinarharian.com.my/ article/780910/berita/semasa/ kpdn-giat-buru-dalang- penyelewengan-subsidi-diesel	SINAR HARIAN

22-May	KPDN Sri Aman sita diesel bersubsidi bernilai RM262,250 di Betong	https://utusanarawak.com.my/kpdn-sri-aman-sita-diesel-bersubsidi-bernilai-rm262250-di-betong/	UTUSAN SARAWAK
22-May	Labuan KPDN, police bust illegal diesel storage in Ops Tiris 4.0	https://www.labuantimes.com.my/2026/05/21/labuan-kpdn-police-bust-illegal-diesel-storage-in-ops-tiris-4-0/	LABUAN TIMES
22-May	Taktik bungkus semula minyak subsidi terbongkar, enam ditahan	https://www.kosmo.com.my/2026/05/21/taktik-bungkus-semula-minyak-subsidi-terbongkar-6-ditahan/	KOSMO
22-May	Premis haram diserbu, 5,000 kg minyak masak dan jerry can dirampas	https://harapan-daily.com/2026/05/21/premis-haram-diserbu-5000-kg-minyak-masak-dan-jerry	HARAPAN DAILY
22-May	Kedah: KPDN arrests 61-year-old man and seizes ice truck allegedly used for diesel smuggling purposes	https://paultan.org/2026/05/21/kedah-kpdn-arrests-61-year-old-man-and-seizes-ice-truck-allegedly-used-for-diesel-smuggling-purposes/	PAULTAN